



Dr Wan Azizah bersama suami yang juga Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim serta ahli keluarga mengaminkan doa pada pengebumian Allahyarham Wan Ismail di Tanah Perkuburan Ukay Perdana, Ampang, semalam.

[Foto Saifullizan Tamadi /BH]



Dr Mahathir diiringi Anwar, Salahuddin (kiri) dan Mohamad menziarahi jenazah Wan Ismail di Masjid Al-Mustaqim Taman Nirwana, Ampang, semalam.

BH - 11/12/2019 mk: 14

Wan Ismail berjasa kepada negara

TPM sifatkan pemergian bapa kehilangan besar buat Malaysia

Oleh Fazrik Kamarudin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Dr Wan Ismail Wan Mahmood, bapa kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang meninggal dunia semalam, banyak menyumbang bakti kepada negara sejak zaman Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra.

Allahyarham Wan Ismail, 93, adalah pegawai di Jabatan Penerangan Malaysia pada 1970 hingga 1982 dan dipinjamkan ke Majlis Keselamatan Negara (MKN) sebagai Pengarah Komunikasi Strategik dari 1983 hingga 1993. Beliau antara lain pernah ber-

khidmat sebagai Penasihat Cawangan Khas ketika pentadbiran Perdana Menteri Kedua, Tun Abdul Razak Hussein serta sebagai pegawai kanan perang saraf bagi memerangi penganas komunis.

Dr Wan Azizah menyifatkan pemergian bapanya itu sebagai satu kehilangan besar buat negara.

“Segala kisah dikongsikan ketika beliau berkhidmat dalam kerajaan itu menjadi pedoman buat kami dan saya berharap amal jariah dilakukan terus berpanjangan,” kata Timbalan Perdana Menteri.



Wan Ismail Wan Mahmood

Seri Paduka, Raja Permaisuri Agong ucap takziah

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah merakamkan ucapan takziah kepada Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan keluarga atas pemergian Datuk Dr Wan Ismail Wan Mahmood.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin, berkata Seri

Paduka berdua yang kini berada di London untuk rangka lawatan khas ke United Kingdom sehingga 16 Disember, berharap Timbalan Perdana Menteri dan seluruh keluarga tabah menghadapi suasana pilu ini.

“Seri Paduka berdua mendoakan agar roh Allahyarham dirahmati Allah SWT dan ditempatkan bersama solihin,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Jenazah selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Ukay Perdana, Ampang, kira-kira jam 11.20 pagi semalam selepas dimandi, dikafan dan disolatkan di Masjid Al-Mustakim, Ampang.

Allahyarham yang meninggalkan isteri, Datin Mariah Khamis dan empat anak perempuan, termasuk Dr Wan Azizah serta seorang anak lelaki, meninggal dunia di kediamannya di Taman Nirwana, Ampang, akibat serangan jantung pada jam 2.30 pagi.

Antara yang menziarahi jena-

zah adalah Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad serta beberapa Menteri Kabinet.

Lebih 500 individu turut hadir di tanah perkuburan ketika pengebumian, termasuk Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub; Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu, Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri dan Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Mazlan Lazim.

Sementara itu, Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu, berkata pengorbanan Allahyarham tidak akan dapat dilupakan kerana beliau banyak membantu negara ketika zaman komunis suatu ketika dahulu.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng pula ketika ditemui, merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham.

“Saya pasti keluarganya amat berbangga atas jasa Allahyarham dan semoga Dr Wan Azizah serta keluarga tabah menghadapi ujian ini,” katanya.